

18/04/1999

Sistem kewangan Islam mampu tingkat taraf hidup

JIKA tidak kerana kegawatan, Malaysia dikatakan bakal muncul sebagai satu lagi gergasi ekonomi baru di rantau Asia, sebaris dengan Korea dan Jepun. Namun, usaha gigih semua pihak, kerajaan dan rakyat untuk memajukan negara yang dulunya sangat mundur sudah dibuktikan dan menjadi satu kenyataan.

Sejak merdeka, penekanan terhadap pembangunan rakyat dan negara menjadi agenda utama kerajaan. Kita tidak mampu lagi terus duduk di bawah telunjuk kuasa asing yang bukan saja mengikis sumber kekayaan, malah memperdagangkan maruah negara untuk kepentingan mereka.

Dengan semangat jitu inilah, arus pembangunan negara bergerak dengan begitu pantas. Daripada sebuah negara berasaskan kepada pertanian, negara melangkah ke bidang perindustrian. Semua sektor ekonomi digerakkan. Malah, Wawasan 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi penggerak semangat untuk menjadikan Malaysia negara maju.

Namun, dalam membincangkan kemajuan ekonomi negara, kita tidak dapat nafikan penerapan nilai Islam turut dibangunkan, terutama dalam sistem kewangan. Arus kebangkitan Islam dalam sistem kewangan ini dikatakan bermula awal 1980-an dan semakin pesat dalam jangka masa 10 tahun lalu.

Sebenarnya, langkah Malaysia melaksanakan sistem kewangan Islam sudah bermula awal daripada zaman 80-an. Langkah memperkenalkan Lembaga Tabung Haji pada 1962 diakui sebagai institusi kewangan Islam yang pertama dalam sejarah ekonomi dunia Islam. Ia kemudiannya disusuli oleh Mesir dengan penubuhan Myt Ghamr Saving Bank pada 1963 dan Bank Pembangunan Islam (IDB) pada 1976.

Pakar ekonomi, Prof Madya Dr Muhammad Alias, mengakui meskipun Malaysia belum sepenuhnya mengamalkan sistem ekonomi Islam, penerapan nilai Islam dalam beberapa sektor ekonomi dan kewangan sangat nyata dari segi fungsi, pengaruhnya dan kesannya terhadap ekonomi negara.

Sebagai contoh, katanya, Malaysia sudah mewujudkan Bank Islam, melaksanakan skim pinjaman secara Islam di beberapa bank konvensional, pajai gadai Islam (Ar-Rahnu) dan insurans Islam.

"Kalau dulu, bank Islam tidak ada. Sistem kewangan yang ada berdasarkan kepada sistem konvensional yang berasaskan riba atau kadar faedah."

"Islam menolak riba. Oleh itu, apabila keperluan sistem ini semakin melonjak terutama daripada masyarakat Islam, kerajaan peka dan mewujudkan Bank Islam.

"Seterusnya, bank komersil lain pula dikehendaki membuka skim pinjaman secara Islam. Itu satu usaha yang baik ke arah sistem ekonomi Islam," katanya.

Beliau yang juga Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, usaha seterusnya ialah ke arah melaksanakan sistem ekonomi Islam yang sepenuhnya.

Menurut Prof Muhammad, sistem ekonomi Islam tidak semestinya menghalang masyarakat beragama lain bergiat dalam kegiatan ekonomi. Ini terbukti apabila ramai kalangan bukan Islam berminat membuat pinjaman melalui skim pinjaman tanpa faedah (SPTF).

Sistem ekonomi Islam pada dasarnya adalah bersandarkan kepada paradigma tauhid. Seseorang boleh memiliki harta atau sumber kekayaan, tetapi mereka tidak mempunyai kuasa mutlak.

"Melalui konsep ekonomi Islam, pemilik mutlak kekayaan atau harta ialah Allah. Kita sebagai hamba-Nya hanya sebagai pemegang amanah. Jadi kita tidak boleh mengguna atau membelanjakan harta mengikut kehendak kita

semata-mata. Malah, apa yang kita miliki atau dapati itu juga mempunyai hak oleh kumpulan lain," katanya.

Sehubungan itu, menurut Prof Muhammad melalui paradigma tauhid inilah yang dengan sendirinya mewujudkan prinsip kesederhanaan.

"Setiap wang atau harta perlu dibelanjakan mengikut keperluan, berbelanja untuk keselesaan, tiada pembaziran dan penggunaan sumber juga mesti memelihara alam sekitar.

"Jadi titik tolak daripada hakikat yang kita ini sebagai pemegang amanah, ia akan mempengaruhi tindak-tanduk kita sama ada sebagai peniaga, pengeluar atau pengguna.

"Misalnya, sebagai pengeluar, tidak boleh menghasilkan barangan haram. sebagai pengguna kita berbelanja secara sederhana, tidak membeli barangan haram," kata Prof Muhammad.

Beliau bagaimanapun berkata ada beberapa lagi perkhidmatan dan produk berlandaskan Islam yang perlu dikembangkan lagi oleh institusi kewangan dan perbankan Islam di negara ini.

Misalnya, beliau berkata, jika selama ini Bank Islam hanya menjadi penyedia modal, mereka kini boleh mengembangkan perkhidmatan dan produk, khususnya melalui perkongsian modal dengan usahawan dan peniaga tempatan yang berjaya.

"Jadi, melalui cara ini bank sendiri terbabit dalam sektor pengeluaran, pembinaan dan keusahawanan. Mungkin ada produk lain yang boleh mebabitkan bank itu bergiat dalam sektor perniagaan secara `venture capital`.

"Dengan itu, bank akan berfungsi sebagai penjana kekayaan kerana terbabit dalam pengeluaran dan industri, bukan lagi sebagai penyedia kredit atau modal," katanya.

Mengenai imej Malaysia dalam pentas dunia, beliau berkata saranan Malaysia supaya diwujudkan pengawalan dalam urusan mata wang kini membuka mata dunia. Mereka juga sedang berkira-kira untuk turut mengikuti jejak Malaysia melaksanakannya.

Malah, Prof Muhammad berkata langkah penetapan nilai ringgit sebagai langkah sementara untuk kita membaik pulih ekonomi juga terbukti sebagai idea dan strategi pemulihan ekonomi berkesan.

"Begitu juga kita mengawal kemasukan dan pengeluaran modal secara berpilih-pilih, terutama modal jangka pendek."

"Walaupun tindakan kita itu mungkin tidak disenangi oleh pelabur luar dan negara asing yang mengamalkan pasaran bebas, bagi kita ia sebagai satu sistem perisai atau pertahanan ekonomi kita.

"Kalau kita biarkan kepada kuasa pasaran, tentunya ada kumpulan tertentu yang mempunyai pengaruh dan kuasa untuk menentukan nilai mata wang dan harga pasaran akan merosakkan ekonomi negara," katanya.

Kalaupun kita belum melaksanakan secara menyeluruh, sekurang-kurangnya sistem kewangan yang berasaskan syariah mesti dominan dan lebih besar fungsinya dari amalan lain.

Sudah banyak contoh yang menunjukkan keberanian pemimpin dan rakyat Malaysia. Kita juga membuktikan bahawa tanggapan tokoh ekonomi Barat bersabit dengan strategi mereka untuk bebas dari kegawatan, adalah salah.

Mengenai cabaran dan persiapan pada alaf akan datang, Prof Muhammad berkata, dalam menuju alaf baru tentunya ekonomi Malaysia bakal menempuhi pelbagai cabaran yang lebih sengit dan hebat lagi.

(END)